

Oleh NURUL SHAHAMAH ABDUL RAZAK  
Foto ZAKARIA IDRIS

## RENCANA UTAMA

AROMA manis yang terbit daripada bunga melur menjadikan ia wangi kegemaran sejak berabad lamanya.  
— Gambar hiasan



# Kuasa haruman melur bak terapi

Tumbuhan melur atau nama saintifiknya, *Jasminum sambac* yang mengeluarkan bau harum sesuai dijadikan kalungan bunga dan tanaman hiasan.

BERAPAPUN penjual bunga kelihatan sibuk pada hari itu melayani pelanggan yang mahu membeli kalungan bunga di gerai mereka yang terletak di sebuah lorong di antara deretan kedai di Brickfields, Kuala Lumpur.

Di celah-celah orang ramai itu, kelihatan seorang wanita pertengahan abad kelihatan leka memintal kuntuman bunga kecil berwarna putih pada seutas tali plastik untuk dijadikan kalungan bunga.

**Santha Ramachandran**, 53, merupakan salah seorang penjual kalungan bunga segar dan telah menjadi mata pencariannya sejak dua dekad lalu. Rutin kerjanya bermula seawal pulak 8 pagi apabila wanita itu akan mengemas dan membersihkan kedainya sebelum

perniagaannya beroperasi kira-kira pulak 9 pagi.

Kalungan bunga yang sudah siap akan digantung bagi memudahkan pelanggan membuat pilihan.

Kuntuman bunga putih yang dikenali sebagai bunga melur adalah antara kalungan bunga yang mendapat perhatian pelanggan.

Setiap hari, kira-kira 10 bungkus bunga melur seberat 250 gram diperlukan untuk menghasilkan kalungan bunga melur yang dikenali sebagai malai dan saram.

"Kalungan bunga malai menggunakan lebih banyak kuntuman bunga dan dijual pada harga RM8.

"Juranian bunga melur dipanggil saram pula yang biasanya dipakai pada rambut wanita dijual pada harga 80 sen bagi setiap 45 sentimeter," kata Santha ketika ditemui *Kosmo!* di Brickfields, Kuala Lumpur baru-baru ini.

### Segar

Jelas ibu kepada dua orang cahaya mata itu, kalungan bunga melur itu perlu dihasilkan semasa bunga masih kudup dan ia boleh bertahan selama tiga hari.

Katanya, beliau akan menghasilkan kalungan bunga setiap hari dan memperoleh pendapatan kira-kira RM300 sehari.

"Bekalan bunga diperoleh setiap hari daripada pembekal pada harga RM15 sebungkus dan jumlah pesanan akan ditambah semasa musim perayaan seperti Deepavali atau festival keagamaan dan



POKOK bunga melur adalah tumbuhan renek dan hidup di iklim tropika.

majlis perkahwinan.

"Bekalan bunga akan disimpan di dalam kotak berisi ais bagi mengekalkan kesegaran dan mengelakkan ia mekar," ujar Santha yang belajar menghasilkan kalungan bunga daripada kedua-dua orang tuanya.

Walaupun bunga melur yang juga dikenali sebagai melati putih sinonim dengan kaum India, namun Santha memberitahu, pelanggannya juga terdiri daripada masyarakat Melayu serta pelancong luar negara.

"Pelanggannya akan mengunjungi kedai saya untuk membeli bunga melur segar untuk dipakai pada rambut atau ditabur di atas kurus."

"Pelancong pula berminat untuk

membeli kalungan bunga kerana ia cantik dan berbau harum," tuturnya yang tinggal di Pudu, Kuala Lumpur.

Santha yang sebelum ini bernaiga bunga di Pasar Pudu dan mula berpindah ke Brickfields sekitar setahun lalu berkata, dia turut menerima tempahan daripada orang ramai dan diskon diberikan jika pembeli membuat pembelian lebih daripada 10 kalungan bunga pada satu-satu masa.

### Suci

Selain melur, Santha yang menjalankan perniagaan bunga juga menghasilkan kalungan bunga daripada bunga mawar, kekwa dan teratai.

Katanya, harga bagi setiap kalungan bunga berbeza mengikut saiz dan jenis bunga yang digunakan.

Berdasarkan laman web *garden.my*, bunga melur berbentuk bintang dan memiliki antara lima ke enam kelopak itu boleh didapati dalam warna putih, merah jambu atau kuning.

Warna daunnya yang hijau juga menarik, manakala bunganya mengeluarkan bau harum.

Menurut laman web syarikat perniagaan antarabangsa Global Blue, [www.globalblue.com](http://www.globalblue.com) aroma manis yang terbit daripada bunga melur menjadikannya wangian kegemaran sejak berabad lamanya. Ia merupakan aroma botani yang paling banyak digunakan.

Pati bunga berkenaan sering dirujuk sebagai raja segala minyak dan sering



PERMINTAAN untuk kalungan pelbagai jenis bunga meningkat apabila musim perayaan.

menjadi ramuan popular dan mahal dalam pembuatan minyak wangi moden.

Bunga melur sering kali dikaitkan dengan cinta dan kasih sayang. Ia juga melambangkan kecantikan dan sensualiti. Dalam sesetengah budaya, bunga melur menggambarkan penghargaan dan tuah.

Dari sudut keagamaan pula, melur melambangkan kesucian.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Thohirah Lee Abdullah berkata, tumbuhan melur atau nama saintifiknya, *Jasminum sambac* sesuai untuk dijadikan tanaman hiasan beraroma kerana mengeluarkan bau yang Wangi.

"Pokok bunga melur yang hidup di iklim tropika seperti Malaysia dan memerlukan cahaya matahari secara terus ini antara tumbuhan renek yang sesuai ditanam di taman.

"Bukan sahaja penjagaannya mudah, malah tumbuhan ini menghasilkan aroma yang menyenangkan," katanya.

### Terapi

Mengulas lanjut, Thohirah Lee berkata, bunga melur juga berpotensi untuk dijadikan wangian.

"Jika di Indonesia, pati minyak bunga melur digunakan sebagai wangian lazimnya tidak dibuang begitu sahaja, sebaliknya ia akan diletakkan di dalam kereta atau rumah kerana aromanya yang sangat harum."

"Aroma melur juga boleh bertindak sebagai aromatherapy dan mampu memberikan ketenangan kepada mereka yang menghidunya," ujarnya.

Menurutnya, jika di Malaysia, bunga melur kebanyakannya ditanam oleh kaum India.

"Penjagaan pokok melur tidak sukar, namun ia mudah terdedah kepada serangan serangga perosak," tuturnya.

Dalam pada itu, seorang pembeli bunga melur yang merupakan pesara tentera, **M.N.S Manimaran** menjelaskan, dia biasanya membeli kalungan bunga untuk tujuan keagamaan.

"Jumlah kalungan yang dibeli biasanya lebih banyak apabila musim perayaan atau festival agama," ujar anak kelahiran negeri Kedah yang kini menetap di Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Menurut anak kedua daripada tiga adik-beradik itu, bunga yang sudah digunakan selepas upacara keagamaan lazimnya tidak dibuang begitu sahaja, sebaliknya ia akan diletakkan di dalam kereta atau rumah kerana aromanya yang harum."

"Setelah bunga melur mekar, ia kebiasaannya hanya boleh bertahan sehingga tiga hari," katanya.

PENGANTIN wanita menghiasi rambut dengan bunga melur.  
— Gambar hiasan

## INFO Bunga Melur

- Nama saintifik *Jasminum sambac*
- Merupakan pokok jenis renek
- Boleh didapati di kawasan tropika dan beniklim panas
- Sesuai dijadikan tanaman hiasan beraroma
- Melur dipercaya berasal dari Himalaya di bahagian barat China.
- Pokok melur boleh mencapai ketinggian antara 3 hingga 4.5 meter dengan pertumbuhan setahun 30 hingga 60 sentimeter setahun
- Kebanyakan spesies bunga melur mengeluarkan bunga berwarna putih dengan saiz sekitar 2.54 sentimeter
- Minyak bunga melur merupakan wangian paling popular mengandungi benzyl acetate, terpinol, jasmone, benzyl benzoate, linalool dan bahan-bahan lain
- Terdapat varieti *Jasminum sambac* yang bunganya berumpun dan mengeluarkan aroma yang kuat dikenali sebagai Pikake di Hawaii, Amerika Syarikat
- Dua jenis bunga melur yang digunakan untuk penghasilan minyak ialah *Jasminum grandiflorum* dan *Jasminum officinale*. Minyak ini digunakan untuk menghasilkan minyak wangi bergred tinggi dan kosmetik seperti krim, sabun dan syampu